



RM3.90
ISBN 978-983-49-1072-3
9 789834 910723
AA011224

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
KSSR
SEMAKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# BAHASA MELAYU
## TAHUN 1

Sekolah Jenis Kebangsaan

**Buku Aktiviti**

**Jilid 2**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Nama: ..................................................

Tahun: ..................................................

Sekolah: ..................................................

# RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

**(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)**

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# BAHASA MELAYU
## TAHUN 1

### Sekolah Jenis Kebangsaan

**Buku Aktiviti**

**Jilid 2**


**PENULIS**
Ang Chia Fong
Rahmat bin Ibrahim
Abdul Rahman Kamil bin Abu Naim
Anisah Azian binti Hj. Mohamad Yusub

**EDITOR**
Norazura binti Abdul Samat
Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman

**PEREKA BENTUK**
Mohamad Amin bin Wahid

**ILUSTRATOR**
Nurfatin Nadiah binti Tukiran



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2016

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku : 0148

KK 499-221-0302011-49-1072-20101
ISBN 978-983-49-1072-3

Cetakan Pertama 2016
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakam tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Visual Print Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Halim Sdn. Bhd.,
No. 3, Jalan Cheras Awana,
Jalan Awana 15,
Taman Cheras Awana,
43200 Cheras,
Selangor Darul Ehsan.

# PENGHARGAAN

Penghasilan buku aktiviti ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim.
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Pruf, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datuk Mohd. Nor Khalid
- SMK Bandaraya, Kota Kinabalu, Sabah.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| **Persediaan Menulis** | | **iv** |
| **Tema 5** | **SENI BUDAYA KITA** | |
| **Unit 13** | Meriahnya Perayaan | 1 |
| **Unit 14** | Kesenian Kita | 6 |
| **Unit 15** | Wah, Cantiknya! | 11 |
| **Tema 6** | **MALAYSIA OH MALAYSIA** | |
| **Unit 16** | Pameran Kartun Malaysia | 19 |
| **Unit 17** | Bendera Malaysia | 24 |
| **Unit 18** | Negaraku Istimewa | 29 |
| **Tema 7** | **SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI** | |
| **Unit 19** | Mesra Plastik | 37 |
| **Unit 20** | Hebat dan Mudah | 42 |
| **Unit 21** | Berfaedah dan Kreatif | 47 |
| **Tema 8** | **CINTAI ALAM** | |
| **Unit 22** | Indahnya Alam | 55 |
| **Unit 23** | Dekati Alam | 60 |
| **Unit 24** | Selamatkan Alam | 65 |




# PERSEDIAAN MENULIS

## Cara duduk yang betul.

1.



2.



## Cara memegang pensel yang betul.

3.



4.



UNIT 13

# MERIAHNYA PERAYAAN

## Aktiviti 1

**Lengkap dan tuturkan.**




Wei Han: Zali, Pesta Tanglung akan diadakan di sini.
Zali: Seronoknya! Bilakah Pesta Tanglung itu?
Wei Han: Pesta Tanglung akan diadakan pada ______________. Tempatnya di taman permainan. Sambutan ini bermula pada pukul ______________. Aktiviti ____________________ . Makanan istimewa, iaitu kuih bulan dan ____________ juga disediakan.
Zali: Terima kasih, Wei Han. Marilah kita pergi bersama-sama.

Nota Guru

- Minta murid melengkapkan dialog dan menuturkannya.

## Aktiviti 2

**Baca dan lengkapkan ayat.**

| menolong | bangun | tose | sari | restu |
|---|---|---|---|---|



Hari ini Arun menyambut Deepavali. Dia ____________ pada awal pagi.



Arun dan kakak meminta _________ daripada ibu bapa.



Wah, cantiknya ____________ ibu!



Arun dan kakak ____________ ibu.



Arun sekeluarga makan _________ bersama-sama.

- Minta murid membaca perkataan dan melengkapkan ayat.

2.1.1(ii)

BT:75

## Aktiviti 3

**Lengkapkan cerita.**

| kuih bakul | samfu | ceongsam | angpau | tetamu |
|---|---|---|---|---|



Wei Han sekeluarga menyambut perayaan Tahun Baharu Cina.

Wei Han dan Encik Lau memakai ______. Puan Ong pula memakai _____________ merah.

Banyak __________ datang ke rumah Wei Han. Mereka makan ______________ dan kuih kapit. Wei Han mendapat _________. Wei Han berasa gembira.

Nota Guru

- Minta murid melengkapkan cerita.

3.3.1(i)

BT : 76

## Aktiviti 4

**Lengkapkan pantun.**

amat digemari

hidangan istimewa

enak dimakan

Tanah dicangkul tanam saderi,
Kuih bakul ______________________.

Sayur bayam beli di pekan,
Rendang ayam ____________________.

Pucuk paku ringan dibawa,
Tose, maruku _____________________.



Nota Guru

- Minta murid melengkapkan pantun dan melafazkan pantun dengan betulnya.

4.3.1(i)

BT:77

## Aktiviti 4

**Pilih jawapan yang betul.**

1. 

Wei Han (atau, dan) ayahnya mahu pergi ke rumah Zali.

2. 

Mereka pergi menaiki kereta (dan, atau) bas?

3. 

Zali (atau, dan) Wei Han sedang berbual.

4. 

Wei Han mahu makan ketupat (dan, atau) lemang.

Nota Guru

- Minta murid memilih ayat dan menggarisi kata hubung yang betul.

5.1.4(i)

BT:78

# UNIT 14 KESENIAN KITA

## Aktiviti 1

**Ajuk, sebut dan lengkapkan.**

- Cikgu Zaidi yang mengajar saya memalu kompang.
- Ini ialah kompang, sejenis alat muzik Melayu.
- Latihan kompang diadakan di dewan sekolah.

1. Ini apa, Zali?

___________________________
___________________________
___________________________



2. Siapakah yang mengajar kamu memalu kompang?

___________________________
___________________________
___________________________



3. Latihan kompang diadakan di mana?

___________________________
___________________________
___________________________




- Minta murid memberikan respons terhadap ayat tanya.

1.1.3(i)
BT:79

# Aktiviti 2

**Baca dan susun.**

1. 

2. 

3. 

4. 

| | |
|---|---|
| Nani, Mili, Sin Ling dan Mala belajar menari inang. | ◯ |
| Tarian inang ialah tarian Melayu. | ◯ |
| Semua penonton bertepuk tangan. | ◯ |
| Mereka membuat persembahan tarian inang di atas pentas. | ◯ |

**Nota Guru**

- Minta murid membaca ayat dan menyusunnya semula.

## Aktiviti 3

**Edit dan tulis.**

1. 

Baju kurong kakak ada manik.

______________________________________

______________________________________

2. 

Sare Rani cantik.

______________________________________

______________________________________

3. 

Ceongsan Sin Ling berwarna merah.

______________________________________

______________________________________

4. 

Jarit memakai baju batek.

______________________________________

______________________________________

Nota Guru

- Minta murid mengedit dan menulis ayat semula dengan ejaan yang betul.

3.3.2(i)

BT:81

## Aktiviti 4

**Padankan dan nyanyikan.**

Kompang, rebana, rebana,
muzik Melayu,
Dipalu kuatlah kuat ikut irama.



Gendang, seruling, seruling,
muziklah Cina,
Muzik diiring, diiring,
dengan nyanyian.



Tabla dan sitarlah sitar,
muzik India,
Irama merdulah merdu,
dengan nyanyian.



Nota Guru

- Minta murid menyanyikan lagu mengikut melodi lagu "Anaklah Ikan".

## Aktiviti 5

**Padankan ayat dengan kata adjektif yang betul.**

| | |
|---|---|
| 1. Wei Han mengetuk kerincing. | segi empat |
| 2. Zali pandai bermain pianika. | bujur |
| 3. Rani bermain tamborin sambil menari. | segi tiga |
| 4. Mei Lan gembira bermain maracas. | bulat |









- Minta murid memadankan ayat dengan kata adjektif bentuk yang betul.

5.1.3(iii)

BT:83



Nota Guru

# UNIT 15 WAH, CANTIKNYA!

## Aktiviti 1

**Sebut dan tulis.**

Kawan-kawan, Cikgu Chin berpesan supaya membawa kertas warna ke Bilik Seni.

Zali, Cikgu Chin beritahu bahawa layang-layang kamu telah ditampal di Bilik Seni.

Wei Han, ingatkan kawan-kawan kamu supaya membawa kertas warna ke Bilik Seni.

Beritahu Zali, layang-layangnya sangat cantik. Cikgu telah tampal di Bilik Seni.

Baiklah, cikgu. Saya akan menyampaikan pesanan cikgu.



______________________________
______________________________
______________________________

______________________________
______________________________
______________________________

Terima kasih, Wei Han.

______________________
______________________



Nota Guru

- Minta murid menyebut dan menulis pesanan yang betul.

## Aktiviti 2

**Baca dan lengkapkan.**



membeli melur menyusun menjual

Rani membantu ibunya membuat bunga malai. Mereka membeli bunga kekwa di pasar.

Ibu Rani _________ bunga itu lalu mengikatnya. Ibu Rani juga membuat bunga malai daripada bunga _________.

Setelah siap, abang Rani _____________ bunga malai itu. Banyak orang __________ bunga malai mereka.



Nota Guru

- Murid membaca dan melengkapkan ayat.

2.1.2(i)

BT:85

## Aktiviti 3

**Edit tanda baca.**

Tudung saji digunakan untuk menutup makanan.
Tudung saji juga boleh dijadikan hiasan.

tudung saji ada banyak warna. Warna tudung saji seperti merah  kuning dan biru. Corak tudung saji cantik

tudung saji banyak dijual di kedai. Banyak orang suka membeli tudung saji

Tudung saji digunakan untuk menutup makanan.
_______________________________________________

Tudung saji juga boleh dijadikan hiasan.
_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

Nota Guru

- Minta murid mengedit dan menulis teks semula.

3.3.2(ii)
BT:86

## Aktiviti 4

**Lengkapkan pantun.**

| warna tikar | pelbagai corak | cantik dipakai |
| --- | --- | --- |

1. Bunga dipetik dari tangkai,
   Baju batik ___________________.



2. 

   Burung merpati di dalam sangkar,
   Menarik hati ___________________.

3. Buah keranji  di atas rak,
   Tudung saji ___________________.



• Minta murid melafazkan pantun.

4.3.1(i)

BT:87

## Aktiviti 5

**Tandakan ( √ ) pada ayat tunggal dan ( X ) bukan ayat tunggal.**

1. Kain batik ada corak.
2. Zali memakai songkok dan samping.
3. Baju ini cantik.
4. Mei Lan memakai ceongsam yang berwarna merah.
5. Mala suka sari merah dan kuning.
6. Wei Han bermain tanglung di halaman rumah.

Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti ayat tunggal.

## Aktiviti Pemulihan

**Padan dan gariskan.**



Ibu dan nenek memasak rendang.



Zali membantu kakak mengemas rumah.



Zali sekeluarga menyambut hari raya di kampung.



Datuk dan ayah membakar lemang.

## Aktiviti Pengayaan

**Isi tempat kosong.**




Arun dan keluarga mahu menyambut perayaan Ponggal.

Arun __________ Devi mengikut ibu pergi ke kedai. Mereka hendak membeli periuk tanah.

"Puan mahu periuk bercorak bunga ____________ bercorak daun?" tanya jurujual kepada Puan Jaya. Puan Jaya suka akan periuk bercorak daun.

Puan Jaya memilih periuk bercorak daun. Arun __________ Devi membantu Puan Jaya membawa barang.

## Aktiviti Pengukuhan

**Kenal pasti kesalahan ejaan. Kemudian, tulis.**

1. Tariyan joget itu sungguh menarik.

_______________________________________________

2. Tembikar itu berbentok bujur.

_______________________________________________

3. Bunyi kompang sungguh kuwat.

_______________________________________________

4. Sari Puan Nalini sangat cantek.

_______________________________________________

5. Wei Han dan keluarga menyumbut Pesta Tanglong.

_______________________________________________

UNIT 16

# PAMERAN KARTUN MALAYSIA

## Aktiviti 1

**Lengkapkan dialog berdasarkan poster. Kemudian, tuturkan.**




Wei Han: Ini poster tentang Pameran Kartun Malaysia.
Arun: Pameran itu akan diadakan bila?
Wei Han: Pameran itu akan diadakan pada ________.
Zali: Pameran itu akan diadakan di mana?
Wei Han: Pameran itu akan diadakan di ____________.
Arun: Siapakah tetamu istimewa dalam pameran itu?
Wei Han: Tetamu istimewa dalam pameran itu ialah ____________________________________.

Nota Guru

- Minta murid melengkapkan dialog berdasarkan maklumat pada poster. Kemudian, tuturkan.

1 . 2 . 2
BT:90

# Aktiviti 2

**Baca dan fahami frasa. Kemudian, jawab soalan.**

1.

Encik Hairi

2.

sangat cantik

3.


dijual di kedai

4.

membeli komik

1. Encik Hairi (pelukis, peniaga).

2. Komik beliau sangat (cantik, tebal).

3. Komik Encik Hairi dijual di (kedai, bilik) buku.

4. Zali (membeli, menjual) komik Encik Hairi.

Nota Guru

- Minta murid membaca, memahami frasa dan menggarisi jawapan yang betul.

2.1.2(ii)
BT:91

# Aktiviti 3

**Bina ayat dan tulis.**



- membaca -



- melukis -




- pameran -



- membeli -

1. ________________________________________ .

2. ________________________________________ .

3. ________________________________________ .

4. ________________________________________ .

Nota Guru

- Minta murid membina dan menulis ayat dengan berdasarkan gambar.



# Aktiviti 4

**Lengkapkan lirik lagu. Kemudian, nyanyikannya.**

Buai laju-laju
Sampai pokok ara
Adik membaca buku
Cerita kura-kura




Buai laju-laju
Sampai pokok limau
Adik membaca buku
Cerita Sang ______________




Buai laju-laju
Sampai tepi paya
Adik membaca buku
Cerita Sang _______________




Buai laju-laju
Sampai tepi titi
Adik membaca buku
Cerita Sang _______________




(Mengikut melodi lagu "Buai Laju-Laju")




- Minta murid melengkapkan lirik lagu dengan perkataan yang sesuai.

4.2.2(i)
BT:93



## Aktiviti 5

**Tandakan ( ✓ ) pada jawapan yang betul.**

1. Hang Setia bekerja ____________ istana.

   ☐ di ☐ ke ☐ dari

2. Sang Singa masuk __________ hutan.

   ☐ ke ☐ di ☐ dari

3. Sang Tikus keluar _________ lubang.

   ☐ di ☐ dari ☐ ke

4. Sang Penyu menuju _________ laut.

   ☐ di ☐ ke ☐ dari

5. Sang Buaya berenang ________ sungai.

   ☐ di ☐ ke ☐ dari




- Minta murid mengenal pasti dan memilih kata sendi nama yang betul.

5.1.4(ii)

BT:94

UNIT 17

# BENDERA MALAYSIA

## Aktiviti 1

**Lengkapkan dialog. Kemudian, tuturkannya.**

1. Zali: Itu bendera apa?

   Nani: ______________________________
   ______________________________



2. Rani: Murid yang menaikkan bendera itu siapa?

   Sin Ling: ______________________________
   ______________________________



3. Arun: Bendera itu dikibarkan di mana?

   Wei Han: ______________________________
   ______________________________



4. Mili: Bilangan bendera pada basikal itu berapa?

   Jarit: ______________________________
   ______________________________.



- Minta murid menulis respons yang sesuai dan menuturkannya.

1.1.3(i)
BT:95



## Aktiviti 2

**Baca dan fahami ayat. Kemudian, bulatkan jawapan yang betul.**

### Pertandingan Menghiasi Beca

Sekolah Zali mengadakan Pertandingan Menghiasi Beca. Pertandingan itu diadakan untuk murid-murid tahap satu.

Beca Wei Han paling cantik. Dia menghias becanya dengan Jalur Gemilang. Dia dipilih sebagai pemenang.

1. Sekolah Zali mengadakan Pertandingan Menghiasi ______________.
   A. Pakaian B. Beca C. Kelas

2. Pertandingan itu diadakan untuk murid tahap ______.
   A. satu B. dua C. tiga

3. Wei Han menghias becanya dengan ____________________.
   A. Jalur Gemilang B. Seri Gemilang C. Kain Gemilang

4. Johan pertandingan itu ialah ______________.
   A. Wei Han B. Arun C. Sin Ling




- Minta murid membaca, memahami ayat dan membulatkan jawapan yang betul.

2.1.2(iii)
BT:96

## Aktiviti 3

**Tulis jawapan yang betul.**

Rani mahu mendapatkan maklumat tentang bendera Malaysia. Dia berjumpa dengan Cikgu Mala di dalam bilik guru.

Cikgu Mala memberikan maklumat kepada Rani. Nama bendera Malaysia ialah Jalur Gemilang. Jalur Gemilang mempunyai 14 jalur. Jalur-jalur itu berwarna merah dan putih.

1. Nama bendera Malaysia apa?

______________________________________________

______________________________________________

2. Jalur bendera Malaysia berapa?

______________________________________________

______________________________________________

3. Di manakah Rani berjumpa dengan gurunya?

______________________________________________

______________________________________________

4. Siapakah yang memberikan maklumat kepada Rani?

______________________________________________.

Nota Guru

- Minta murid memahami maklumat dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu.

3.2.2(i)

BT:97

## Aktiviti 4

**Lengkapkan lirik lagu. Kemudian, nyanyikannya.**

### Lari, Kudaku, Lari

bendera | kibar | Malaysia

Lari, kudaku, lari
Lari ke mana-mana
Mari, kawanku, mari
Marilah ____________ bendera.

Lari, kudaku, lari
Lari ke mana-mana
Mari, kawanku, mari
Kibar ____________ Malaysia.

Mari, kawan, mari semua
Hormati bendera
La la la la la la la
La la la la la la la
Bendera _______________.



(Mengikut melodi lagu "Lompat Si Katak Lompat")

Nota Guru

- Minta murid melengkapkan seni kata lagu dengan jawapan yang sesuai.
- Guru bersama-sama dengan murid menyanyikan lagu mengikut melodi lagu "Lompat Si Katak Lompat".

4.2.2(i)
BT:98

## Aktiviti 5

**Isi tempat kosong dengan kata arah yang betul. Kemudian, lengkapkan silang kata.**

1. Cikgu Zaidi berdiri di ________________ murid-murid.
2. Mili duduk di ____________________ basikalnya.
3. Kereta itu bergerak di _________________ jejantas.
4. Murid-murid menyanyikan lagu Jalur Gemilang di _______________________ guru.

3



1






2



4



- Minta murid mengisi tempat kosong dengan kata arah yang betul dan melengkapkan silang kata.

5.1.4(iii)

BT:99




# NEGARAKU ISTIMEWA



## Aktiviti 1

**Lengkapkan dialog. Kemudian, tuturkannya.**

1. Mari naik feri itu, Zali. Feri itu akan membawa kita ke Pulau Langkawi.



______________________________
______________________________

2. Rasalah kuih tebaloi ini, Nani. Rasanya sungguh sedap.



______________________________
______________________________

3. Pegang tangan ayah, Arun. Kita perlu berhati-hati.



______________________________
______________________________




- Minta murid membina, menulis jawapan berdasarkan dialog dan menuturkannya.

1.1.3(ii)
BT:100

## Aktiviti 2

**Teliti gambar. Kemudian, tulis.**

### Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok, Sabah










1. ____________________
2. ____________________
3. ____________________
4. ____________________
5. ____________________
6. ____________________

- Minta murid menulis kosa kata yang sesuai berdasarkan gambar.

2.2.1(i)

BT:101

Nota Guru

## Aktiviti 3

**Baca dan fahami petikan. Kemudian, tulis jawapan yang betul.**




Pada minggu lalu, Rani sekeluarga pergi ke Sarawak. Mereka mahu melawat ke tempat-tempat yang menarik. Mereka pergi ke sana dengan menaiki kapal terbang.

Mereka melawat ke Kampung Budaya Sarawak. Rani berasa sangat gembira. Dia dapat belajar tentang budaya masyarakat Sarawak.

1. Rani dan keluarganya pergi ke Sarawak mengapa?

   ________________________________________

   ________________________________________

2. Mereka pergi ke sana bagaimana?

   ________________________________________

   ________________________________________

3. Mengapakah Rani berasa gembira?

   ________________________________________

   ________________________________________

Nota Guru

- Minta murid membina dan menulis jawapan berdasarkan soalan bercapah.

## Aktiviti 4

**Lengkapkan pantun.**

Mencari sabut di tepi telaga,
Ternampak itik di pinggir kali;
Isinya lembut berwarna _________ ,
Buah ______________ enak sekali.



betik jingga

Rumah nyonya atapnya rosak,
Ambil tangga mari betulkan;
Kuning warnanya apabila _____________
Buah ____________ sedap dimakan.



masak mangga

Kapal Bugis datang ke mari,
Membawa bertih dari Batam;
Buah ___________ nama diberi,
Isinya putih kulitnya ________.



manggis hitam

- Minta murid melengkapkan pantun.

4.3.1(ii)
BT:103

Nota Guru

# Aktiviti 5

**Padankan ayat dengan gambar yang sesuai.**

1. Puan Aini menjahit baju Melayu.
2. Bendera Malaysia berkibar.
3. Rani bernyanyi dengan penuh semangat.
4. Encik Kamal bertemu dengan kawannya.
5. Arun mendapat tempat pertama.
6. Encik Peter bercuti di Malaysia.














Nota Guru

- Minta murid memadankan ayat dengan gambar yang sesuai.

## Aktiviti Pemulihan

**Tulis ayat yang betul.**

1. 

bangunan | itu | tinggi

_______________________________

2. 

buah | durian | sedap

_______________________________

3. 

Pulau Tioman | sangat | indah

_______________________________

4. 

kenderaan | itu | sungguh | cantik

_______________________________

## Aktiviti Pengayaan

**Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.**








1. Pulau Tioman terletak __________ Pahang.
2. Kami berjalan _______ padang ke dewan sekolah.
3. Mili pergi __________ Melaka dengan keluarganya.
4. Encik Peter bercuti __________ Malaysia selama seminggu.
5. Pelancong itu berasal _______ Australia.
6. Zali melawat __________ Pameran Kartun Malaysia di Kuala Lumpur.

## Aktiviti Pengukuhan

**Lengkapkan ayat dengan menggunakan kata arah yang betul.**

1. 

Jalur Gemilang berkibar di __________ bangunan itu.

2. 

Mereka bergambar di ________ Kota A' Famosa.

3. 

Orang utan itu bermain di _____ pokok.

4. 

Lori itu berada di _____________ kereta Encik Lim.

UNIT 19

# MESRA PLASTIK

## Aktiviti 1

**Lengkapkan pesanan. Kemudian, tuturkannya.**

Cikgu Razali: Murid-murid, baca kelebihan bekas makanan daripada plastik ini. Kemudian, beritahu keluarga kamu.

Wei Han: Baiklah, cikgu.



**Kelebihan Bekas Makanan**

1. makanan kering lebih tahan lama.
2. senang dibuat
3. menjimatkan

Ibu, bekas makanan ini senang dibuat. Kelebihan bekas ini

______________________________

______________________________

______________________________




Nota Guru

- Minta murid menulis jawapan berdasarkan maklumat yang diberikan dan menuturkannya.

1.2.1

BT:106

## Aktiviti 2

**Baca dan tulis.**

### Peta Bulatan

kawan-kawan

mudah digunakan



jari lebih selesa

tulisan kemas

ayah

Pensel menggunakan alat genggaman.

1. ____________________________________________
2. ____________________________________________
3. ____________________________________________

Nota Guru

- Minta murid membaca dan menulis idea tersurat.

2.2.1(ii)

BT:107

## Aktiviti 3

**Tulis maklumat.**

### Bekas Alat Mainan

Bahan-bahan



botol plastik minuman



pita pelekat



kertas manila

Cara membuat :

1



2



3



Tempat menyimpan mainan ini mudah dibuat. Kita dapat menjimatkan wang. Bilik kita tentu lebih kemas.



**Bahan-bahan**

1._____________________________.
2._____________________________.
3._____________________________.

**Kebaikan**

1._____________________________.
2._____________________________.
3._____________________________.

Nota Guru

- Minta murid mencatat maklumat.

## Aktiviti 4

**Lengkapkan pantun.**

rumah ceria | mudah diambil | bersihkan berus

Sungguh cantik bunga kenanga,
Pokok peria ditaburkan baja;
Botol plastik dihiasi bunga,
__________________ jimat belanja.





Manggis dimuat di dalam sampan,
Makan sambil tersenyum malu;
Mudah dibuat bekas penyimpan,
__________________ apabila perlu.

Pokok betik di tempat berair,
Batas dibina lebih terurus;
Botol plastik diisikan air,
Bancuh warna dan ________________.



- Minta murid melengkapkan pantun. Kemudian, lafazkannya.

4.3.1(ii)
BT:109

## Aktiviti 5

**Lengkapkan kata majmuk yang betul.**

1. Wei Han sayang akan __________nya.
   - bapa ibu
   - ibu bapa

2. Encik Lau membuat _________________ daripada botol plastik.
   - bekas sampah
   - sampah bekas

3. Ibu memetik tomato di ______________ .
   - sayur kebun
   - kebun sayur

4. Wei Han menyimpan _______________ di dalam bekas.
   - alat tulis
   - tulis alat

5. Adik meletakkan buku cerita di atas ___________________________________.
   - meja tulis
   - tulis meja

6. Ibu membeli sayur kangkung di ___________________________.
   - tani pasar
   - pasar tani

Nota Guru

- Minta murid melengkapkan kata majmuk yang betul.

5.2.2(i)

BT:110

# UNIT 20 HEBAT DAN MUDAH

## Aktiviti 1

**Tulis maklumat.**





hampas tebu



hampas padi

Pinggan ini mesra alam.
Pinggan ini mudah mereput apabila dibuang.
Kemudian, menjadi baja untuk pokok-pokok lain.
Pokok akan subur apabila mendapat baja.




Pinggan ini diperbuat daripada ______________________.
Pinggan ini mesra alam kerana mudah _______________.
Pinggan yang reput akan menjadi __________________.
Baja dapat menyuburkan __________________________.

Sumber : http://www.utusan.com.my/utusan/info

- Minta murid menyampaikan dan mencatat maklumat tersurat.

1 . 2 . 2
BT:111

## Aktiviti 2

**Lengkapkan cerita. Kemudian, baca.**



sayur | batang plastik

Ini kebun ____________ Wei Han.
Wei Han dan ayahnya rajin berkebun.
Sayur-sayuran di kebun disiram menggunakan penyiram _______ ____________________________.

Mula-mula, Encik Lau membuat ______________________ pada batang plastik.
Lubang-lubang itu untuk air keluar.
Kemudian, Encik Lau menyambungkan batang plastik itu dengan _______________.



lubang-lubang kecil | paip getah



menyiram | subur

Wah, hebatnya! Kini, Wei Han dapat _______________________ sayur-sayurannya dengan mudah.
Tanamannya bertambah ________.

Kebaikan penyiram batang paip ini ialah:

1. ___________________________
2. ___________________________

Nota Guru

- Minta murid membaca dan melengkapkan cerita.

## Aktiviti 3

**Bina dan tulis.**




rajin | buku

1. ______________________________
______________________________




membaca | pen pintar

2. ______________________________
______________________________



menulis | alat genggaman pensel

3. ______________________________
______________________________



- Minta murid membina ayat berdasarkan gambar.

3.2.1(iii)
BT:113

## Aktiviti 4

**Lengkapkan.**

### Inovasi Kita

Fikir dahulu sebelum buang
Tentu boleh ____________ semula
Inovasi ada pelbagai guna
Banyak faedah ___________ kita

Kotak yang lama usah dibuang
___________ dan lekat bersama-sama
Warnakan kertas agar ceria
Simpankan buku _____________

| |
|---|
| guna |
| kepada |
| susun |
| selepas membaca |

(Mengikut melodi lagu "Ikan Kekek")




**Nota Guru**

- Minta murid melengkapkan lirik lagu.
- Minta murid menyanyikan lagu "Inovasi Kita" mengikut melodi lagu "Ikan Kekek".

## Aktiviti 5

**Lengkapkan ayat menggunakan kata ganda penuh yang betul.**

| | | |
|---|---|---|
| botol-botol | kucing-kucing | pensel-pensel |
| buku-buku | pokok-pokok | hampas-hampas |

1. Wei Han rajin menyiram __________ sayur di kebun.

2. Abang menyusun ________________ yang telah dibacanya di atas rak.

3. __________ itu berlari ke arah Wei Han apabila diberi makanan.

4. Yi Fang menyimpan _____________ warna ke dalam bekas kotaknya.

5. Pinggan itu diperbuat daripada ________________ padi dan tebu.

6. Wei Han dan rakan-rakan mengumpulkan _________ plastik.



Nota Guru

- Minta murid melengkapkan ayat menggunakan kata ganda penuh.

5.2.3(i)

BT:115

UNIT 21

# BERFAEDAH DAN KREATIF

## Aktiviti 1

**Dengar dan berikan respons.**




Perangkap Lipas

- diletakkan di tempat yang gelap
- makanan digunakan sebagai umpan
- bahagian dalam disapu minyak supaya licin

Wei Han: Itu benda apa, Zali?

Zali: ____________________________________________

Wei Han: Berapa ekor lipaskah yang dapat kamu tangkap?

Zali: ____________________________________________

Wei Han: Di manakah kamu meletakkan perangkap itu?

Zali: ____________________________________________

Wei Han: Mengapakah kamu menyapukan minyak pada bahagian dalam perangkap itu?

____________________________________________

____________________________________________

Nota Guru

- Minta murid menulis respons terhadap soalan.



## Aktiviti 2

**Garisi jawapan yang betul.**



Wei Han sedang melayari Internet.
Dia membaca maklumat tentang lampu pintar.

Lampu pintar sangat istimewa.
Lampu itu bernyala dan terpadam secara automatik.

Wei Han berasa sangat kagum.

1. Wei Han sedang melayari (televisyen, Internet).
2. Wei Han membaca maklumat tentang (lampu, kipas) pintar.
3. Lampu pintar sangat (mahal, istimewa).
4. Lampu pintar bernyala secara (elektrik, automatik).
5. Wei Han berasa sangat (hairan, kagum).




- Minta murid membaca petikan dan menggarisi jawapan yang betul.

2.1.1(iii)
BT:117

## Aktiviti 3

**Tulis karangan.**



Setiap tumbuhan memerlukan air untuk hidup. Pokok yang ditanam perlulah disiram. Jika tidak disiram, pokok ______________________.



Encik Lau mencipta alat penyiram automatik. Alat ini dapat dihasilkan

______________________________

______________________________.



Mula-mula, Encik Lau menebuk lubang pada penutup botol. Kemudian,

______________________________

______________________________.



Akhir sekali, Encik Lau menanam botol tersebut di sebelah pokok. Air keluar sedikit demi sedikit. Pokok

______________________________

______________________________

______________________________.

Nota Guru

- Minta murid menulis karangan bukan naratif secara terkawal.

3.3.1 (i)

BT:118

## Aktiviti 4

**Lengkapkan cerita.**



Saya sebagai sepasang cermin mata. Saya sangat berguna. Saya dapat membantu manusia melihat dengan jelas.

Tuan saya amat memerlukan saya.

______________________________

______________________________

______________________________.





Tuan saya amat menyayangi saya.

______________________________

______________________________

______________________________.





Nota Guru

- Minta murid menulis ayat untuk melengkapkan cerita.

4 . 1 . 1

BT:119

## Aktiviti 5

**Pilih dan tulis ayat penyata semula.**

1.



- Apakah kegunaan kipas angin?
- Kipas angin berguna kepada kita.

2.



- Pasu bunga itu diperbuat daripada botol plastik.
- Wah, mudahnya membuat pasu bunga itu!

3.



- Mengapakah kamu membuat perangkap nyamuk?
- Perangkap nyamuk itu dibuat oleh Wei Han.




- Minta murid memilih dan menulis ayat penyata.

5.3.1(i)

BT:120

## Aktiviti Pemulihan

**Padankan dan tulis.**

1. 

kipas

angin

dinding

______________________

2. 

botol

kertas

plastik

______________________

3. 


pen

pintar

pandai

______________________

# Aktiviti Pengayaan

**Bina ayat kata ganda penuh yang betul mengikut konteks.**



botol-botol

1. ______________________________
______________________________



pokok-pokok

2. ______________________________
______________________________



pensel-pensel

3. ______________________________
______________________________



kertas-kertas

4. ______________________________
______________________________

## Aktiviti Pengukuhan

**Lengkapkan ayat.**



pen pintar

1. Nama alat ini ialah ______________.
2. Alat ini digunakan untuk ________________________________.
3. Kelebihan alat ini ialah ________________________________.



alat menyiram

1. Nama alat ini ialah ______________.
2. Alat ini digunakan untuk ________________________________.
3. Kelebihan alat ini ialah ________________________________.



bekas makanan

1. Ini ialah ________________________.
2. Bekas ini digunakan untuk ________________________________.
3. Kelebihan bekas makanan ini ________________________________.

UNIT 22

# INDAHNYA ALAM

## Aktiviti 1

**Lengkapkan dialog dengan respons yang sesuai.**

Cikgu Chin: Wei Han, mari tolong cikgu.

Wei Han: _______________. Saya akan menolong cikgu.

Cikgu Chin: Wei Han, tolong bawa anak-anak pokok hiasan itu ke sini.

Wei Han: ________________________________________
________________________________________.

Cikgu Chin: Cuci tangan selepas kerja selesai.

Wei Han: ________________________________________
________________________________________.

Nota Guru

- Minta murid melengkapkan dialog dengan respons yang sesuai. Kemudian, simulasikannya.

## Aktiviti 2

**Baca label. Kemudian, lengkapkan ayat.**

1.




**Pokok Jambu Batu**

Pokok ini pokok apa?

Pokok ini ________________

________________________.

Pokoknya ________________.

Batangnya ________________.

Daunnya ________________.

Pokok ini sesuai ditanam

di ________________________.

2.




**Pokok Delima**

Pokok ini pokok apa?

Pokok ini ________________

________________________.

Kulit buahnya ______________.

Pokok ini sesuai ditanam

di ________________________.

Boleh dijadikan ____________.

- Minta murid membaca label dan melengkapkan ayat berdasarkan label tersebut.

2.3.2 (i)
BT:123



Nota Guru



## Aktiviti 3

**Tulis frasa secara imlak.**

Cuaca hari ini baik. Ibu Sin Ling menanam pokok bunga matahari di halaman rumah.

Ibu Sin Ling menyiram pokok bunga. Ibu berpesan supaya Sin Ling menjaga pokok bunga dengan baik.

Sin Ling memerhati ibu memberikan makanan kepada ikan di kolam.

Mereka berasa gembira kerana halaman rumah ceria.

1 . ______________________ 2 . ______________________

3. ______________________ 4. ______________________

5. ______________________ 6. ______________________




- Minta murid menulis frasa yang diimlakkan berdasarkan petikan.

3.2.4 (ii)

BT:124

# Aktiviti 4

**Lengkapkan ayat dan ceritakan.**




memetik bunga | cantik | bunga raya | Hargai Alam

Sin Ling dan kawan-kawan sedang bersiar-siar di taman.

Tiba-tiba, Sin Ling ternampak pokok bunga raya yang ________________. Sin Ling gembira melihat ________________ itu.

Sin Ling cuba memetik bunga raya itu. Nani ternampak perbuatan Sin Ling. Nani menyuruh Sin Ling melihat papan tanda. Papan tanda itu bertulis ________________.

Akhirnya, Sin Ling tidak __________________________ itu.



Nota Guru

- Minta murid melengkapkan cerita dan bercerita secara spontan dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.

4 . 1 . 1
BT:125



## Aktiviti 5

**Tandakan (✓) pada ayat tanya yang betul.**

1.
☐ Siapakah yang pergi berkelah?
☐ Apakah yang pergi berkelah?

Zali sekeluarga yang pergi berkelah.

2.
☐ Apakah yang terdapat di pantai?
☐ Siapakah yang terdapat di pantai?

Pokok kelapa yang terdapat di pantai.

3.
☐ Zali sekeluarga bercuti bila?
☐ Zali sekeluarga bercuti ke mana?

Zali sekeluarga bercuti ke Pulau Indah.

4.
☐ Bilakah Encik Goh ke hutan?
☐ Ke manakah Encik Goh?

Encik Goh ke hutan pada hari Rabu.




- Minta murid memilih ayat tanya yang betul.

5.3.1(ii)
BT:126

UNIT 23

# DEKATI ALAM

## Aktiviti 1

**Lengkapkan dialog. Kemudian, tuturkannya.**

| barang terpakai ke dalam kotak |
|---|

| kumpulkan barang terpakai |
|---|

| | |
|---|---|
| Puan Lim: | Sin Ling, mari kita kumpulkan barang terpakai. Beritahu kakak kamu, masukkan barang terpakai ke dalam kotak. |
| Sin Ling: | Baiklah, ibu. Saya akan menyampaikan pesanan ibu. |

| | |
|---|---|
| Sin Ling: | Kakak, saya dan ibu akan ____________________ ______________________________________________. Ibu meminta kakak masukkan ______________ ______________________________________________. |
| Sin Wei: | Baiklah, Sin Ling. |

- Minta murid melengkapkan dialog. Kemudian, sampaikan pesanan.

1.2.1
BT:127

## Aktiviti 2

**Lengkapkan ayat dengan jawapan yang betul.**
**Kemudian, baca.**





alam sekitar | sejuk | udara | mandi

Sin Ling dan keluarganya pergi berkhemah di tepi air terjun.

Suasana di air terjun itu sungguh damai. ____________________ di situ segar dan nyaman.

Mereka gembira kerana dapat ________________ di air terjun itu. Wah, airnya sungguh ________________!

Sin Ling dan keluarganya ingin datang lagi ke sini. Mereka suka akan ________________ yang indah.

Nota Guru

- Minta murid membaca ayat dalam perenggan yang telah dilengkapkan.

2.1.2(iii)

BT: 128 & 129

## Aktiviti 3

**Bina dan tulis ayat berdasarkan gambar.**

1. 

mencuci longkang

2. 

mencangkul tanah

3. 

membubuh baja

4. 

membuat kraf tangan

5. 

menghias halaman rumah

- Minta murid membina dan menulis ayat berdasarkan gambar dan perkataan.

3.2.1(iii)

BT:130



Nota Guru

## Aktiviti 4

**Lengkapkan dan nyanyi.**

### Alamku Indah

Burung pipit di atas pokok
______________ segar menghijau
Tingginya gunung berdiri megah
Laut bersih __________________

Ikan-ikan di dalam sungai
Sungai tasik _________________
Sekarang sampah kitar semula
__________________ kita selesa

| |
|---|
| jernih airnya |
| halaman bersih |
| pokok rendang |
| indah sekali |

(Mengikut melodi lagu "Nenek Si Bongkok Tiga")

Nota Guru

- Minta murid nyanyikan lagu.

4.2.2(i)
BT:131

# Aktiviti 5

## Bina ayat.



1. buang ____________________

2. tanam ____________________

3. susun ____________________

4. ikat ____________________

5. kutip ____________________

- Minta murid membina dan menulis ayat tunggal berdasarkan gambar.

5.3.3(i)
BT:132



Nota Guru

# UNIT 24 SELAMATKAN ALAM

## Aktiviti 1

**Tulis maklumat. Kemudian, tuturkannya.**

**Hari Tanpa Elektrik**

**Hari: 2 November ______ (Rabu)**
**Masa: 8.00 malam hingga 9.00 malam (satu jam)**

- Tutup suis elektrik
- Jimatkan elektrik




Nota Guru

- Minta murid untuk menyampaikan maklumat.

## Aktiviti 2

**Lengkapkan dialog dengan jawapan yang sesuai. Kemudian, baca.**

| panas | segar | hijau | ditebang |
|---|---|---|---|

Arnab dan tupai berasa gembira tinggal di hutan. Pokok-pokok di hutan ________________ dan udaranya ________________.

Pada suatu hari, arnab dan tupai pergi ke bandar untuk mencari kucing. Arnab dan tupai terkejut melihat pokok-pokok telah ________________.

Cuaca di bandar sungguh ________________. Kucing tidak lagi gembira tinggal di situ.

Arnab, tupai dan kucing pulang ke hutan. Mereka lebih suka tinggal di hutan yang indah.



- Minta murid melengkapkan teks cerita dan membacanya dengan sebutan dan intonasi yang betul.

2.3.1(i)

BT:134



Nota Guru

## Aktiviti 3

**Tulis karangan.**

### Saya Sebagai Beg Kertas

| di atas rak | pemuda | menggunakan saya |
| menggantikan beg plastik |



Saya sebagai beg kertas. Warna saya Coklat.

Pekerja telah menyusun saya ____________________. Seorang ___________________________ telah membeli saya. Tuan saya ________________________ untuk mengisi barang.

Saya berasa gembira kerana dapat _______________ ____________________________.

Nota Guru

- Minta murid menulis karangan dengan menggunakan frasa yang diberikan.

3.3.1(i)
BT:135

## Aktiviti 4

**Lengkapkan pantun.**

| cantik dilihat | alam terjaga | hijaukan alam |
|---|---|---|



Buah mempelam buah pulasan,
Mari dipetik di tepi pagar;
________________ bersihkan kawasan,
Alam cantik rasa segar.

Bintang malam cahayanya terang,
Bagai permata ________________;
Bersihkan alam kemaskan barang,
Agar kita hidup sihat.

Dari kuala mencari berangan,
Enak dirasa bersama keluarga;
Kitar semula bahan buangan,
Hidup sentosa ________________.

- Minta murid melengkapkan pantun dengan menggunakan frasa yang diberikan.

4.3.1(ii)
BT:136



# Aktiviti 5

**Bina ayat majmuk berdasarkan rajah.**

| | | |
|---|---|---|
| Sin Ling memasukkan kertas | | tong. |
| Nani mahu menggunakan pinggan | dan | air hujan? |
| Zali mengisi air ke dalam baldi | atau | bekas makanan? |
| Li Shan mencuci lantai menggunakan air paip | | kotak minuman ke dalam tong biru. |

1. ______________________________________________

2. ______________________________________________

3. ______________________________________________

4. ______________________________________________




- Minta murid membina dan menulis ayat majmuk berdasarkan rajah.

## Aktiviti Pemulihan

**Teliti gambar. Kemudian, padankan.**

1. 

2. 

3. 

4. 

Sin Ling menyiram pokok bunga.

Zali menanam pokok.

Wei Han mengutip sampah.

Nani membuang sampah.

## Aktiviti Pengayaan

**Tulis karangan.**

**Saya Sebagai Sebuah Bakul**

| | | | |
|---|---|---|---|
| barang yang banyak | sangat gembira | mengisi barang | |
| beg plastik | alam sekitar | disimpan | digunakan semula |



Bentuk saya segi empat. Saya sebagai sebuah bakul.



Seorang gadis telah membeli saya untuk ________________. Saya boleh membawa __________________________. Saya boleh ____________________________________ untuk ______________________________.
Saya telah menggantikan ____________________________________



Saya berasa __________________________.
Saya menyelamatkan ____________________________________.

## Aktiviti Pengukuhan

**Bina ayat dengan frasa yang diberikan.**

1. alam sekitar ______________________
2. di halaman rumah ______________________
3. sangat bersih ______________________
4. susun tin kosong ______________________
5. pokok bunga ______________________



## Penilaian

**A. Baca dan jawab soalan.**

Hari ini Hari Raya Aidilfitri. Wei Han dan Arun datang ke rumah Zali. Mereka datang bersama-sama dengan keluarga.

Encik Kamal dan Puan Aini menyambut tetamu yang datang. Pelbagai kuih dan lauk disediakan.

"Jemputlah makan. Kuih dan hidangan ini ibu saya yang masak," Zali memberitahu Wei Han dan Arun.

"Wah, sedapnya rendang ini!" kata Wei Han.

Arun makan lemang dan ketupat. Zali sekeluarga sibuk melayan tetamu. Mereka berbual dan makan bersama.

1. Mengapakah Wei Han dan Arun sekeluarga datang ke rumah Zali?
   A. Hari Raya Aidilfitri B. Deepavali C. belajar

2. Wei Han datang ke rumah Zali dengan siapa?
   A. kawan B. sendiri C. keluarga

3. Wei Han suka makan apa?
   A. rendang B. lemang C. ketupat

4. Bagaimanakah sikap keluarga Zali ketika melayan tetamu?
   A. marah B. mesra C. benci

## Penilaian

**B. Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul.**

1. Arun dan keluarganya melawat __________ Muzium Sarawak semalam.

2. Sambutan Hari Kemerdekaan diadakan _______ Dataran Merdeka.

3. Bendera Jalur Gemilang berkibar _________ puncak Gunung Everest.

**C. Tulis ayat berdasarkan gambar dan perkataan yang diberikan.**




- memandu - kereta -

____________________________________

____________________________________



- mengibarkan - bendera -

____________________________________

____________________________________

## Penilaian

**D. Tulis jawapan yang betul.**

Encik Lau sekeluarga rajin bercucuk tanam. Mereka menanam pokok-pokok bunga dan sayur-sayuran. Tanaman itu disiram dan dibaja supaya subur.

Tanaman itu ditanam di dalam botol-botol plastik. Ada botol plastik besar dan ada botol plastik kecil. Botol plastik itu digunakan semula.

Puan Ong memasak sayur-sayuran yang dipetik dari kebun. Sayur-sayuran itu subur dan segar. Anak-anak mereka sangat suka makan sayur-sayuran.

1. Encik Lau sekeluarga menanam pokok apa?

   ______________________________________

2. Di manakah tanaman itu ditanam?

   ______________________________________

3. Tulis dua ayat penyata yang terkandung di dalam petikan.

   a. ____________________ b. ____________________

4. Tulis dua kata ganda penuh yang terkandung di dalam petikan.

   a. ____________________ b. ____________________

# Penilaian

## E. Tulis karangan.

### Beg Hijau





| | | |
|---|---|---|
| - bentuk segi empat<br>- berwarna hijau | - membeli saya<br>- mengisi barang | - berasa gembira<br>- sayang akan saya |